

## Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Didik Hibur di Sekolah Jenis Kebangsaan

The Level of Knowledge of the Edutainment Approach among Malay Language Teachers at National-Type Schools

Muhammad Airil Mohamad Arifin<sup>1</sup> & Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>SJK(C) Bertam Valley, Cameron Highlands, Lembah Bertam,  
39000 Ringlet, Pahang, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*email: [zuhidayah@fbk.upsi.edu.my](mailto:zuhidayah@fbk.upsi.edu.my)

**Published:** 22 December 2023

**To cite this article (APA):** Mohamad Arifin, M. A., & Muhd Zulkipli, N. Z. (2023). Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Didik Hibur di Sekolah Jenis Kebangsaan. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 9(2), 55–63. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol9.2.6.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol9.2.6.2023>

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pendekatan didik hibur dalam kalangan guru bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan responden kajian dilaksanakan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan melibatkan 35 orang guru bahasa Melayu yang mengajar di SJK daerah Cameron Highlands. Instrumen utama kajian ialah soal selidik. Data telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Hasil analisis mendapati tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan didik hibur semasa sesi pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap sederhana (min = 3.19). Kesimpulannya, tahap pengetahuan pendekatan didik hibur dalam kalangan guru masih berada pada tahap sederhana. Bahkan, tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuklah opsyen guru, kemudahan infrastruktur demografi dan suasana sekolah. Implikasi kajian ialah dapat membantu pelbagai pihak dalam meningkatkan kemahiran pedagogi pengajaran terutamanya pendekatan didik hibur dalam kalangan guru bahasa Melayu di SJK.

**Kata kunci:** pendekatan didik hibur, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), bahasa Melayu

### Abstract

*This study aims to identify the level of knowledge of the edutainment approach among Malay language teachers at National-type Schools (SJK). A quantitative approach with survey design was used in this study. The selection of respondents was carried out using a purposive sampling method involving 35 Malay language teachers who teach in SJK, the Cameron Highlands district. The main research instrument is a questionnaire. The data were analyzed using descriptive analysis. The results of the analysis found that the level of knowledge of the teachers regarding the edutainment approach during the teaching and learning sessions is at a moderate level (mean = 3.19). In conclusion, the level of knowledge of the edutainment approach among teachers is still at a moderate level. In fact, the teacher's level of knowledge about this approach affected by many factors such as non-option teachers, infrastructure, demographics and school surroundings. The implications of the study can help various parties in improving teaching pedagogy skills, especially the edutainment approach among Malay language teachers in SJK.*

**Keywords:** edutainment approach, National-type Schools (SJK), Malay language

## **Pengenalan**

Menurut Shamsatun (2020) melalui akhbar Utusan Malaysia menyatakan bahawa masih ramai lagi rakyat Malaysia yang tidak fasih berbahasa Melayu. Hal ini berikutan kesan penubuhan sekolah vernakular yang menuntut penggunaan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pengantar. Perkara ini amat membimbangkan terutamanya bagi murid yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Lanjutan itu, pendidikan merupakan medium penting dalam memastikan isu penguasaan bahasa dalam kalangan murid bukan penutur natif ini dapat diatasi. Penggunaan pendekatan yang sesuai sewaktu sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) terutamanya dalam subjek bahasa Melayu akan meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa murid.

Selain itu, Abdul Rasid (2021) menyatakan bahawa penggunaan pendekatan yang sesuai dan menarik akan mampu menarik minat murid dan mengelakkan kebosanan sewaktu sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berlangsung. Cara dan gaya penyampaian juga perlu memberi kesan keseronokan dan menarik perhatian serta tumpuan murid, termasuk menggunakan unsur kecindan dan jenaka. Pendekatan didik hibur merupakan pendekatan yang melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk santai, bermakna dan menghibur. Sehubungan itu, pendekatan didik hibur merupakan pendekatan yang boleh digunakan kerana bertepatan dengan kenyataan yang diberikan. Maka, pendekatan didik hibur ini boleh digunakan untuk mengajar kemahiran bahasa Melayu dalam kalangan murid. Namun, pengetahuan terhadap pendekatan didik hibur amat penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Tanpa pengetahuan pendekatan didik hibur yang baik, maka penguasaan kemahiran berbahasa murid sukar untuk ditingkatkan.

## **Pernyataan Masalah**

Murid bukan penutur natif didapati masih mengalami masalah dalam menguasai kemahiran berbahasa. Perkara ini jelas melalui kajian yang dijalankan oleh Nor Zulaiqha et al. (2021), mendapati bahawa kemahiran bertutur terutamanya dari aspek sebutan bagi murid bukan penutur natif masih berlaku. Kesalahan utama yang berlaku semasa bertutur adalah kesilapan penggantian bunyi, pertambahan bunyi, pengguguran bunyi dan kesilapan gramatikal. Masalah ini berlaku kerana murid-murid bukan penutur natif ini telah terdedah dengan bahasa ibunda sejak lahir (Khairul Nizam dan Wan Muna Ruzanna, 2017). Kesalahan yang berlaku ini sudah tentu menyukarkan proses komunikasi berlaku dengan berkesan terutamanya semasa menggunakan bahasa Melayu.

Perkara ini turut disokong melalui dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Nora'azian dan Fadzilah (2018) yang menyatakan bahawa kemahiran lisan murid di SJK adalah pada tahap sederhana apabila sebanyak 55.7% murid masih tidak fasih dalam kemahiran bertutur. Jumlah majoriti yang belum menguasai kemahiran bertutur ini amat membimbangkan. Perkara ini berlaku kerana setiap etnik dan kaum di Malaysia memiliki bahasa yang berbeza dari segi dialek, struktur bahasa dan sebutan menyebabkan bahasa Melayu sukar dikuasai (Zamri et al., 2016). Sehubungan itu, masalah penguasaan kemahiran lisan ini perlu diatasi dengan pelaksanaan pendekatan yang sesuai semasa pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berlangsung.

Masalah ini juga dapat dilihat dalam kemahiran menulis bukan penutur natif. Daripada kajian yang dijalankan oleh beberapa pengkaji termasuklah Alhaadi dan Zaitul Azma (2018), Wan Muna Ruzanna, Maz Abu Supian dan Mohd Jasmy (2018) dan Nur Eliani dan Che Ibrahim (2017) mendapati murid bukan penutur natif kerap melalukan kesalahan tatabahasa khususnya dalam penggunaan imbuhan semasa menghasilkan karangan. Perkara ini menyebabkan mereka tidak mampu menyiapkan tugas atau penulisan karangan dengan baik (Kong, Yahya dan Zamri, 2017). Bahkan, terdapat segelintir murid bukan penutur natif yang tidak dapat menulis karangan dengan baik serta tidak mampu untuk menerangkan mengenai karangan yang akan dihasilkan. Bahkan, terdapat juga murid yang menghasilkan karangan tidak memenuhi kehendak soalan dan tajuk karangan (Anthony dan Yahya, 2017).

Menurut Siti Azah (2022), pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua memerlukan penggunaan kaedah dan strategi yang berkesan. Tanpa penggunaan pendekatan yang sesuai dan berkesan, maka sukar kemahiran berbahasa murid dapat ditingkatkan. Bahkan, pelajar akan kurang

motivasi untuk menguasai bahasa kedua. Ini kerana, kebanyakan guru bahasa Melayu masih mengamalkan kaedah konvensional dalam pengajaran mereka (Norlela dan Shamsudin, 2020). Pengajaran yang berpusatkan guru dan berbentuk sehalu ini sudah tentu membosankan sekali gus tidak mampu mengukuhkan penguasaan kemahiran lisan murid. Hal ini kerana, hanya guru yang memainkan tugas dominan dan lebih banyak bertutur sewaktu sesi PdPc berlangsung. Bukan itu sahaja, guru bahasa Melayu juga didapati lebih selesa menggunakan pendekatan pengajaran yang lama iaitu menggunakan buku teks bahasa dan papan tulis di dalam bilik darjah.

Tambahan pula, penggunaan kaedah konvensional secara meluas dalam kalangan guru telah menyebabkan pendekatan didik hibur kurang digunakan. Perkara ini dapat dilihat melalui kajian Ardini et al. (2017) yang mendapati bahawa kebanyakan guru tidak mengaplikasikan pendekatan didik hibur sebagai strategi pembelajaran dan pemudahcaraan. Perkara ini menjadi lebih parah apabila kebanyakan guru yang mengajar di SJK merupakan guru bukan opsyen bahasa Melayu (Roa'ani dan Nor Rul Azlifah, 2019). Hal ini akan menjurus kepada kesukaran pelaksanaan strategi dan pendekatan yang sesuai serta berkesan. Terutamanya pendekatan didik hibur yang melibatkan penggunaan pelbagai teknik komponen sastera serta mempunyai ciri-ciri khusus. Sehubungan dengan itu, guru perlu benar-benar mengetahui dan memahami pelaksanaan pendekatan didik hibur agar kemahiran berbahasa murid dapat diperkukuh lagi dengan aktiviti yang melibatkan murid bukan penutur natif.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk penyelidikan kuantitatif. Reka bentuk kajian tinjauan dipilih bagi kajian yang dilaksanakan ini. Kajian tinjauan ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pendekatan didik hibur dalam kalangan guru bahasa Melayu. Menurut Ridzuan dan Nassir (2020), kajian tinjauan merupakan satu kajian yang sangat mudah dikendalikan dalam kalangan pengkaji. Selaras dengan dapatan kajian Norlela dan Shamsudin (2020) yang telah menggunakan kajian tinjauan untuk menjalankan kajian mengenai pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam kemahiran lisan. Kajian ini mendapati guru lebih gemar menggunakan pendekatan konvensional dan disokong oleh Ardini et al. (2017). Pemilihan reka bentuk kajian tinjauan dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan satu gambaran yang jelas dan tepat mengenai tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam kalangan guru yang mengajar bahasa Melayu di semua Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) di sekitar daerah Cameron Highlands.

Guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di SJK menjadi pilihan utama sebagai responden bagi kajian ini. Pemilihan sampel ini adalah kerana melihat kepada status quo iaitu kebanyakan guru yang mengajar di SJK merupakan guru bukan opsyen bahasa Melayu (Roa'ani dan Nor Rul Azlifah, 2019). Maka, pengkaji ingin melihat sama ada keadaan ini akan mempengaruhi pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran subjek bahasa Melayu di sekolah. Pemilihan sampel kajian atau responden kajian dilakukan dengan kaedah pensampelan bertujuan. Menurut Shamsazila, Muhammad Faizal dan Ghazali Darussalam (2022) pensampelan bertujuan dilaksanakan dengan menetapkan satu kriteria yang tetap. Selaras dengan perkara tersebut, ciri-ciri responden kajian iaitu guru bahasa Melayu dan mengajar di SJK sekitar daerah Cameron Highlands telah ditetapkan ketika melaksanakan proses pemilihan sampel kajian. Penetapan ciri ini dapat memastikan satu hasil kajian yang boleh dipercayai diperoleh dan satu gambaran yang tepat tentang pelaksanaan pendekatan didik hibur juga boleh didapati oleh pengkaji.

Pengkaji telah mengadaptasikan pembinaan soal selidik kajian ini daripada kajian yang dijalankan oleh Norlela dan Shamsudin (2020). Pengkaji dalam kajian tersebut telah melaksanakan kajian mengenai tahap pemahaman guru bahasa Melayu terhadap penggunaan pendekatan didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah. Oleh sebab itu, pengkaji telah mengadaptasi soal selidik tersebut dan pada masa yang sama telah menyesuaikannya dengan objektif kajian yang ditetapkan. Item-item dalam soal selidik tersebut disusun mengikut bahagian-bahagian tertentu. Jawapan bagi setiap item dikawal dengan penggunaan skala *likert* empat mata iaitu, 1-Sangat Tidak Setuju (STS), 2- Tidak Setuju (TS), 3- Setuju (S) dan 4- Sangat Setuju (SS). Penggunaan skala likert empat mata amat sesuai kerana dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan data yang tepat tentang kajian yang dijalankan.

Tambahan pula, dalam kajian yang dijalankan, pengkaji telah mendapatkan kebenaran dan surat daripada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang telah dipilih. Setelah itu, pengkaji telah berjumpa dengan pihak pentadbir sekolah bagi mendapatkan kebenaran menjalankan kajian. Setelah mendapatkan kebenaran daripada pihak pentadbir sekolah, pengkaji telah memberikan penerangan ringkas kepada responden berkaitan kajian yang dijalankan. Perkara ini bertujuan mengelakkan daripada salah faham terhadap kajian yang dijalankan serta mendapatkan respons yang terbaik daripada responden untuk menjawab persoalan kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi Responden**

Pada bahagian demografi, terdapat beberapa soalan berkaitan maklumat responden kajian termasuklah jantina, umur, tempoh perkhidmatan, lokasi sekolah, kelayakan akademik dan opsyen responden. Seramai 35 orang responden yang telah dipilih dalam kajian ini merupakan guru mengajar subjek bahasa Melayu di SJK di daerah Cameron Highlands. Daripada responden ini, dapatan mendapati bahawa kesemuanya merupakan guru yang mengajar subjek bahasa Melayu telah menjawab soal selidik yang diberikan. Lanjutan itu, jadual 1 merupakan perincian dapatan berkaitan demografi responden.

**Jadual 1** Profil demografi responden

| <b>Jantina</b>             | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|----------------------------|------------------|--------------------|
| Lelaki                     | 4                | 11.4               |
| Perempuan                  | 31               | 88.6               |
| <b>Umur</b>                |                  |                    |
| 21 hingga 30 tahun         | 7                | 20.0               |
| 31 hingga 40 tahun         | 14               | 40.0               |
| 41 hingga 50 tahun         | 6                | 17.1               |
| Lebih daripada 50 tahun    | 8                | 22.9               |
| <b>Tempoh Perkhidmatan</b> |                  |                    |
| Kurang 5 tahun             | 9                | 25.7               |
| 6 hingga 10 tahun          | 9                | 25.7               |
| 11 hingga 20 tahun         | 9                | 25.7               |
| 21 hingga 30 tahun         | 4                | 11.4               |
| Lebih daripada 30 tahun    | 4                | 11.4               |
| <b>Lokasi</b>              |                  |                    |
| Bandar                     | 13               | 37.1               |
| Luar Bandar                | 22               | 62.9               |
| <b>Kelayakan Akademik</b>  |                  |                    |
| Sijil                      | 1                | 2.9                |
| Ijazah Sarjana Muda        | 31               | 88.6               |
| Ijazah Sarjana             | 2                | 5.7                |
| Doktor Falsafah            | 1                | 2.9                |
| <b>Opsyen</b>              |                  |                    |
| Bukan Opsyen               | 26               | 74.3               |
| Opsyen                     | 9                | 25.7               |

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, jumlah responden guru lelaki yang terlibat dalam kajian ialah 4 orang (11.4%) manakala responden guru perempuan ialah 31 orang (88.6%). Dapatan ini menunjukkan bahawa jumlah responden perempuan adalah lebih ramai dengan jurang peratusan lebih 77.2%. Dari segi golongan umur, majoriti responden adalah berusia dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun dengan kekerapan 14 orang (40.0%), diikuti dengan responden yang berusia lebih 50 tahun dengan kekerapan 8 orang (22.9%), 21 hingga 30 tahun dengan kekerapan 7 orang (20.0%) dan 41 hingga 50 tahun dengan kekerapan 6 orang (17.1%). Tambahan pula, dapatan kajian menunjukkan

bahawa kategori responden yang berkhidmat kurang daripada 5 tahun, responden yang telah berkhidmat 6 hingga 10 tahun, dan responden yang berkhidmat 11 hingga 20 tahun merupakan kategori responden yang paling ramai menjawab soal selidik dengan kekerapan 9 orang (25.7%) diikuti dengan kategori responden yang berkhidmat 21 hingga 30 tahun dan lebih 30 tahun dengan kekerapan 4 orang (11.4%).

Selain itu, majoriti responden berkhidmat di sekolah luar bandar dengan kekerapan 22 orang responden (62.9%) manakala 13 orang responden (37.1%) berkhidmat di sekolah bandar. Bukan itu sahaja, majoriti responden yang menjadi peserta kajian terdiri daripada pemegang ijazah sarjana muda dengan kekerapan 31 orang responden (88.6%), diikuti dengan pemegang ijazah sarjana dengan kekerapan 2 orang (5.7%) dan pemegang sijil doktor falsafah dan sijil perguruan dengan kekerapan 1 orang (2.9%). Dapatan juga menunjukkan majoriti responden kajian merupakan guru bukan opsyen dengan kekerapan sebanyak 26 orang (74.3%). Jumlah guru opsyen pula hanya 9 orang (25.7%) yang terlibat dalam kajian yang dijalankan ini.

### Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Mengenai Pendekatan Didik Hibur

Tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan didik hibur ini dinilai berdasarkan tiga konstruk utama iaitu pengetahuan guru terhadap perancangan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan didik hibur, pengetahuan terhadap pelaksanaan didik hibur semasa PdP dan pengetahuan melakukan penilaian semasa pelaksanaan PdP menggunakan pendekatan didik hibur. Jadual 2 merupakan item-item yang telah dikemukakan kepada responden bagi mengenal pasti tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan didik hibur.

**Jadual 2** Tahap pengetahuan guru terhadap perancangan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan didik hibur

| Item                                 | Pernyataan   | Skala      |           |            |             | Min                    | SP   |
|--------------------------------------|--|------------|-----------|------------|-------------|------------------------|------|
|                                      |  | STS<br>(1) | TS<br>(2) | S<br>(3)   | SS<br>(4)   |                        |      |
| <b>Konstruk 1: Aspek Perancangan</b> |  |            |           |            |             |                        |      |
| B1                                   | Saya tahu menggunakan pelbagai strategi pendekatan didik hibur.  | 0 (0.0%)   | 2 (5.7%)  | 25 (71.4%) | 8 (22.9%)   | 3.17                   | 0.51 |
| B2                                   | Saya tahu merangka aktiviti pengajaran yang sesuai menggunakan pendekatan didik hibur.                                     | 0 (0.0%)   | 3 (8.6%)  | 21 (60.0%) | 11 (31.4%)  | 3.23                   | 0.60 |
| B3                                   | Saya tahu menyediakan RPH dengan menggunakan pendekatan didik hibur.   | 0 (0.0%)   | 4 (11.4%) | 24 (68.6%) | 7 (20%)     | 3.09                   | 0.56 |
| B4                                   | Saya tahu untuk menentukan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kreativiti dalam kaedah didik hibur yang digunakan dalam PdP. | 0 (0.0%)   | 6 (17.1%) | 19 (54.3%) | 10 (28.6%)  | 3.11                   | 0.68 |
| <b>Min Keseluruhan</b>               |  |            |           |            | <b>3.15</b> | <b>Tahap Sederhana</b> |      |

Berdasarkan jadual di atas, tahap pengetahuan guru dalam merancang penggunaan pendekatan didik hibur semasa sesi pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap sederhana melalui nilai min yang diperoleh dalam konstruk ini iaitu 3.15. Bahkan, nilai min yang ditunjukkan daripada keempat-empat item yang dikemukakan iaitu B1 (3.17), B2 (3.23), B3 (3.09) dan B4 (3.11) juga berada pada tahap sederhana. Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian bagi konstruk kedua iaitu tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan didik hibur.

**Jadual 3** Tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan didik hibur

| Item                                 | Pernyataan   | Skala       |             |               |               | Min                    | SP   |
|--------------------------------------|--|-------------|-------------|---------------|---------------|------------------------|------|
|                                      |  | STS<br>(1)  | TS<br>(2)   | S<br>(3)      | SS<br>(4)     |                        |      |
| <b>Konstruk 2: Aspek Pelaksanaan</b> |  |             |             |               |               |                        |      |
| B5                                   | Saya tahu bahawa teknik nyanyian, berlakon, bercerita dan berpuisi merupakan antara teknik didik hibur.                                    | 0<br>(0.0%) | 2<br>(5.7%) | 20<br>(57.1%) | 13<br>(37.1%) | 3.31                   | 0.58 |
| B6                                   | Saya tahu peranan guru sebagai fasilitator semasa mengendalikan aktiviti didik hibur.  | 0<br>(0.0%) | 3<br>(8.6%) | 19<br>(54.3%) | 13<br>(37.1%) | 3.29                   | 0.62 |
| B7                                   | Saya tahu bahawa pelaksanaan pendekatan didik hibur lebih berpusatkan murid.   | 0<br>(0.0%) | 2<br>(5.7%) | 18<br>(51.4%) | 15<br>(42.9%) | 3.37                   | 0.60 |
| B8                                   | Saya tahu aspek yang perlu diambil kira seperti bilangan murid, tempoh masa dan kandungan pelajaran semasa merancang aktiviti didik hibur. | 0<br>(0.0%) | 3<br>(8.6%) | 23<br>(65.7%) | 9 (25.7%)     | 3.17                   | 0.57 |
| <b>Min Keseluruhan</b>               |  |             |             |               | <b>3.29</b>   | <b>Tahap Sederhana</b> |      |

Dapatan kajian bagi konstruk kedua iaitu tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan didik hibur adalah pada tahap sederhana melalui dapatan nilai min iaitu 3.29. Bukan itu sahaja, nilai min bagi keempat-empat item yang dikemukakan iaitu B5 (3.31), B6 (3.29), B7 (3.37) dan B8 (3.17) juga berada pada tahap sederhana. Bagi konstruk ketiga iaitu tahap pengetahuan guru terhadap penilaian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan didik hibur, dapatan dipaparkan dalam jadual 4 di bawah.

**Jadual 4** Tahap pengetahuan guru terhadap penilaian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan didik hibur

| Item                               | Pernyataan  | Skala       |              |               |               | Min                    | SP   |
|------------------------------------|---|-------------|--------------|---------------|---------------|------------------------|------|
|                                    |   | STS<br>(1)  | TS<br>(2)    | S<br>(3)      | SS<br>(4)     |                        |      |
| <b>Konstruk 3: Aspek Penilaian</b> |   |             |              |               |               |                        |      |
| B9                                 | Saya tahu penilaian kemahiran berbahasa murid boleh dilakukan dengan aktiviti pendekatan didik hibur.           | 0<br>(0.0%) | 3<br>(8.6%)  | 19<br>(54.3%) | 13<br>(37.1%) | 3.29                   | 0.62 |
| B10                                | Saya tahu memberikan latihan berdasarkan bahan menggunakan pendekatan didik hibur.                              | 0<br>(0.0%) | 7 (20.0%)    | 18<br>(51.4%) | 10<br>(28.6%) | 3.09                   | 0.70 |
| B11                                | Saya tahu aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk menilai kemahiran berbahasa murid melalui pendekatan didik hibur. | 0<br>(0.0%) | 5<br>(14.3%) | 22<br>(62.9%) | 8<br>(22.9%)  | 3.09                   | 0.61 |
| B12                                | Saya tahu instrumen yang sesuai untuk menilai murid dalam pendekatan didik hibur.                               | 0<br>(0.0%) | 6<br>(17.1%) | 22<br>(62.9%) | 7<br>(20.0%)  | 3.03                   | 0.62 |
| <b>Min Keseluruhan</b>             |   |             |              |               | <b>3.12</b>   | <b>Tahap Sederhana</b> |      |

Berdasarkan dapatan dalam jadual di atas, nilai min yang diperoleh dalam konstruk ketiga ini ialah 3.12 menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru untuk membuat penilaian terhadap murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan didik hibur adalah pada tahap sederhana. Dapatan nilai min bagi keempat-empat item iaitu B9 (3.29), B10 (3.09), B11 (3.09) dan B12 (3.03) juga berada tahap sederhana.

Berdasarkan dapatan kajian, min bagi setiap item berkaitan tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan didik hibur adalah pada tahap sederhana. Hal ini demikian kerana nilai min yang diperoleh bagi setiap item adalah antara 2.51 hingga 3.50. Bahkan, dapatan min bagi setiap konstruk juga berada pada tahap sederhana. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa tahap pengetahuan guru bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur di SJK daerah Cameron Highlands berada pada tahap sederhana.

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan mengenai tahap pengetahuan guru bahasa Melayu di SJK daerah Cameron Highlands mengenai pendekatan didik hibur adalah pada tahap sederhana dengan dapatan min keseluruhan 3.19. Perkara ini menunjukkan bahawa pengetahuan guru sama ada dalam merancang, melaksana dan menilai semasa pelaksanaan pendekatan ini masih pada tahap sederhana. Perkara ini turut disokong melalui dapatan nilai min bagi setiap konstruk iaitu pengetahuan mengenai aspek perancangan adalah 3.15, aspek pelaksanaan adalah 3.29 dan penilaian adalah 3.12. Kesemua nilai min bagi setiap konstruk menunjukkan tahap pengetahuan guru yang sederhana berkaitan pendekatan didik hibur.

Dapatan kajian ini sedikit berbeza dengan dapatan kajian yang telah dijalankan Owing et al. (2018). Dapatan kajian ini berkaitan tahap pengetahuan guru bahasa Melayu di daerah Hulu Langat mengenai pendekatan didik hibur adalah tinggi. Hal ini bermakna, guru-guru di Hulu Langat mempamerkan pengetahuan yang tinggi berkaitan pendekatan ini sama ada dari segi teknik, strategi, aktiviti, perancangan dan penilaian. Dapatan yang hampir sama dalam kajian yang dijalankan oleh Carine dan Ruhizan (2022). Pengkaji ini telah menjalankan kajian mengenai tahap pengetahuan dan pelaksanaan pendekatan didik hibur melibatkan guru-guru di sekolah rendah dan menengah. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan didik hibur juga tinggi.

Perbezaan dapatan tahap pengetahuan guru mengenai pendekatan didik hibur ini boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor. Misalnya faktor guru opsyen. Hal ini kerana kebanyakan guru yang mengajar di SJK merupakan guru bukan opsyen bahasa Melayu (Roa'ani dan Nor Rul Azlifah, 2019). Pendapat ini turut disokong melalui kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Dalam kajian yang dijalankan melibatkan guru di SJK daerah Cameron Highlands ini juga mendapati majoriti guru yang mengajar subjek bahasa Melayu merupakan bukan guru opsyen. Perkara ini mendorong kepada tahap pengetahuan dan kandungan pedagogi berkaitan pendekatan dalam pengajaran subjek bahasa Melayu yang rendah.

Tambahan pula, faktor demografi, suasana dan infrastruktur yang berbeza mampu memberi kesan terhadap tahap pengetahuan ini. Hal ini kerana kewujudan pelbagai faktor yang telah dinyatakan akan memberikan cabaran kepada guru dalam melaksanakan pendekatan didik hibur secara berkesan. Perkara ini jelas dinyatakan oleh Carine dan Ruhizan (2022) iaitu cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru terutamanya dari aspek infrastruktur sama ada dari segi kemudahan peranti atau capaian internet akan mempengaruhi penguasaan terhadap pendekatan didik hibur. Perubahan suasana pembelajaran turut memberi kesan terhadap pengetahuan guru berkaitan strategi-strategi yang perlu dikuasai dalam melaksanakan pendekatan didik hibur.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan guru bahasa Melayu di SJK daerah Cameron Highlands adalah pada tahap sederhana. Perkara ini boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuklah faktor guru opsyen, infrastruktur, demografi dan suasana sekolah. Dapatan juga menunjukkan bahawa pengetahuan guru dari aspek pelaksanaan mempunyai nilai min paling tinggi daripada ketiga-tiga aspek yang dikenal pasti oleh pengkaji. Perkara ini menunjukkan bahawa guru tahu untuk melaksanakan pendekatan ini sama ada dari segi aktiviti, peranan guru, serta elemen-elemen yang perlu diambil kira dalam melaksanakan pendekatan ini. Bahkan, guru juga menunjukkan pengetahuan terhadap aktiviti berkaitan pendekatan didik hibur yang berpusatkan murid. Namun, penekanan juga perlu diberikan terhadap pengetahuan guru mengenai instrumen dalam menilai murid semasa melaksanakan pendekatan didik hibur. Perkara ini bagi memastikan tahap kemahiran berbahasa murid dapat diukur dan tindakan susulan boleh dilakukan. Oleh yang demikian, pengetahuan guru mengenai pendekatan didik hibur sama ada dalam merancang, melaksana dan menilai amat penting agar pendekatan ini dapat dilaksanakan secara berkesan.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rasid Jamian. (2021, Februari 23). Teknik, kaedah pengajaran berkesan elak murid berasa bosan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/02/789204/teknik-kaedah-pengajaran-berkesan-elak-murid-bosan>
- Anthony Aloysius Akup, & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis esei bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 44–45.
- Alhaadi Ismail, & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 7(3), 23-30.



- Ardani, Handican, R., Nur Salsabila, & Setyaningrum, W. (2017). The perceptions of students and teachers about the use of edutainment instructional media in Mathematics learning. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 160(1), 228 -234.
- Carine, C. S., & Ruhizan Mohd Yasin (2022). Pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam pengajaran dan pembelajaran sekolah-sekolah luar bandar di Sabah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 113-126.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 24-33.
- Kong T. K., Yahya Othman & Zamri Mahamod. (2017). Penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kategori sekolah kurang murid daerah Sibul. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah & Sarawak (Eksekutif) Kali ke-6*. (pp. 231-249). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nora'azian Nahar, & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 8(1), 74-83.
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farakhanna Mohd Rosli, Norfaizah Abdul Johar, & Norazimah Zakaria. (2021). Kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh murid Cina: Teori analisis kontrasif. *LSP International Journal*, 8(1), 35-55.
- Norlela Ahmad, & Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan kaedah didik hiburan dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 6(2), 1-11.
- Nur Eliani Husaini, & Che Ibrahim Salleh. (2017). Kesalahan tatabahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa kedua. *Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 4(2), 273–284.
- Owing, J. S., Azhar Md. Sabil, & Shamsudin Othman. (2018). Tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hiburan dalam pengajaran bahasa Melayu. *International Journal of Education dan Training (InJET)*, 4(2), 1-9.
- Ridzuan, & Muhamad Nassir. (2020). Kajian tinjauan impak pandemik Covid-19 terhadap tahap kesediaan pelajar kolej komuniti Lahad Datu bagi pembelajaran secara atas talian. *Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan, October 2020*, 11–20.
- Roa'ani Mohamed, & Nor Rul Azlifah Zulkafali. (2019). Keberkesanan Pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) dalam PdPc bahasa Melayu kelas peralihan: Satu kajian tindakan di sebuah sekolah di Kuantan. *Journal of Sciences and Management Research*, 1, 68- 86.
- Shamsazila Saa'aban, Muhammad Faizal Abdul Ghani, & Ghazali Darusalam. (2022). Penilaian ke atas input program i-Think dari perspektif guru. *Jurnal Penyelidikan Ilmu Pendidikan IPGM*, 3, 89-110.
- Shamsatun Ahmad. (2020, September 3). Cakap Melayu Pun Masih Pelat. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/rencana/2020/09/cakap-melayu-pun-masih-pelat/>
- Siti Azah Afizah Mohd Lokman. (2022). *Ara' Tullab Almadrasah Atthanawiyah Fi Daf'iyyat Taallum Allughah Alaraboah Fil Maahad Almuhammady Pasir Pekan fi Wilayati Kelantan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, Maz Abu Supian Madhi & Mohd Jasmy Abd. Rahman. (2018). Kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid Bidayuh. *International Conference on Education and Regional Development 3rd (ICERD)*, 74–84.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 38-51.